

PERPUSTAKAAN  
FAKULTI ALAM BINA



FAB30000010239

10467180

KESEDARAN DAN KESEDIAAN MENGENAI KONSEP *PARTNERING* DALAM  
INDUSTRI PEMBINAAN DI MALAYSIA

NURULAINI BINTI DANIAL

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2009

## ABSTRAK

*Partnering* ialah satu kaedah perolehan projek inovatif yang telah diperkenalkan kepada industri pembinaan supaya projek pembinaan bebas daripada konflik, pertikaian, penangguhan atau tergendala, kos yang melebihi had dan masa perjalanan projek yang tidak mengikut jadual, tuntutan serta kerja dan bahan yang tidak berkualiti. Ia merupakan pendekatan alternatif dan satu paradigma baru dalam kaedah perolehan projek di Malaysia. *Partnering* telah diperkenalkan melalui *Construction Industry Master Plan* (CIMP) atau Pelan Induk Industri Pembinaan pada tahun 2007 untuk menyepadukan industri pembinaan dan mempertingkatkan kawalan kos dan kualiti projek. Ia melibatkan persepaduan bukan sahaja di antara klien dan kontraktor, malah lebih penting lagi dalam rangkaian industri pembinaan. Kajian menggunakan borang soal selidik telah dilakukan kepada beberapa pihak yang terlibat dalam industri pembinaan yang terdiri daripada klien, kontraktor, arkitek, jurutera dan juruukur bahan untuk mengetahui tahap kesedaran mereka mengenai konsep *partnering* yang telah diperkenalkan di Malaysia. Selain itu, penyelidikan ini juga bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan *partnering* kurang digunakan sebagai kaedah perolehan projek dalam industri pembinaan di Malaysia. Hasil yang diperoleh dapat mengetahui pendapat dan pandangan mereka mengenai *partnering* serta kesediaan mereka untuk menerima konsep ini. Selain itu, faktor-faktor yang menyebabkan *partnering* kurang digunakan di Malaysia dapat dikenal pasti. Kesimpulannya, lebih banyak promosi dan penerangan secara mendalam mengenai konsep *partnering* diperlukan untuk memastikan konsep ini berjaya dilaksanakan dalam industri pembinaan di Malaysia.

## **ABSTRACT**

Partnering is an innovative procurement method that has been developed for the construction industry so that the construction projects are free of conflict, disputes, delays, disruption, cost and schedule overruns, claims or deficient items or work. It is an alternative approach and a new paradigm in construction procurement in Malaysia. Partnering has been introduced to the Malaysian construction industry through Construction Industry Master Plan (CIMP) in 2007 to integrate the construction industry and bring about improvements in cost and quality control. It involves collaboration not just between the client and the contractor, but more importantly, along the entire construction industry supply chain. A questionnaire survey has been conducted among the various construction players consisting of clients, contractors and consultants to investigate the extent of their awareness of this concept in Malaysia. In addition, it is also to identify the factors that make partnering concept rarely used as a procurement method in the Malaysian construction industry. The results would indicate their views and perceptions of partnering and also their readiness to accept this new concept. Moreover, the factors that make this concept rarely used in the construction project can be identified. It is suggested that more promotion and explanation of partnering in detail to the industry is required to make the application of the concept a success in the Malaysian construction industry.